



أونیورسیتی ملیسیا فیع السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
**AL-SULTAN ABDULLAH**

## **PERATURAN PERMAINAN BOLA KERANJANG**

### **1. NAMA**

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Keranjang Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)

### **2. PERATURAN**

Mengikut undang-undang dan Peraturan Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA) dan Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan ini.

### **3. JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan antara pasukan mewakili Fakulti dibawah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

### **4. PENDAFTARAN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 4.1** Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 12 orang pemain bagi satu pasukan.
- 4.2** Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 4.3** Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

## 5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sila rujuk Peraturan AM Sukfac, Perkara 9.

## 6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 6.1 Cara memberi mata:

Menang	-	2
Kalah	-	1
Walk over	-	2 mata kepada pasukan lawan.

## 7. PAKAIAN

- 7.1 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIBA

## 8. MASA BERMAIN

- 8.1 Permainan mengandungi dua(2) bahagian. Setiap tempoh permainan bagi setiap bahagian akan dijalankan selama 10 minit. Masa rehat ialah dua(5) minit diantara separuh pertama dan kedua.

## 9. KELEWATAN

- 9.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada urusetia. Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma.

## **10. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

- 10.1** Pertandingan ini tidak boleh ditangguhkan atas permintaan mana-mana pasukan.
- 10.2** Jika sesuatu pertandingan tidak dapat dijalankan atau ditangguhkan separuh jalan kerana faktor keselamatan dan sebagainya yang difikirkan perlu oleh pengadil perlawanan, permainan akan disambung dengan kiraan mengikut jaringan sebelum perlawanan ditangguhkan sebelum itu.

## **11. BANTAHAN**

Rujuk Perkara 12, Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SukFAC).

## **12. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan permaianan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.